

PNB serah sumbangan kepada 862 pelajar

KUALA LUMPUR - Permodalan Nasional Bhd. (PNB) menyerahkan sumbangan wang tunai berjumlah RM215,500 kepada 862 orang anak kakitangan bukan eksekutif Kumpulan tersebut menerusi penganjuran program Kembali Ke Sekolah 2018.

Pengerusi Kumpulannya, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, program yang julung-julung kali diadakan itu bertujuan meringankan beban para ibu bapa dalam membuat persiapan kelengkapan sekolah anak-anak bagi tahun hadapan.

Menurutnya, ia juga akan dapat memberi motivasi kepada pelajar terbabit.

"Semoga sumbangan ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya," katanya.

Beliau berkata demikian



ABDUL WAHID (lima dari kanan) dan **Abdul Rahman** (empat dari kanan) bergambar bersama 20 anak-anak kakitangan bukan eksekutif PNB yang menerima sumbangan program Kembali Ke Sekolah di Kuala Lumpur baru-baru ini.

menerusi satu kenyataan sempena penyerahan sumbangan itu sempena Majlis Anugerah PNB di sini baru-baru ini.

Turut hadir Presiden dan

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, **Datuk Abdul Rahman Ahmad**.

Majlis Anugerah PNB itu bertujuan untuk menghargai kakitangan yang berkhidmat

selama 10 hingga 35 tahun.

Syarikat juga memberi pengiktirafan anugerah khidmat cemerlang dan anugerah kepimpinan cemerlang kepada kakitangan yang terpilih.